



KAEDAH PENGAJARAN
KOSA KATA
BAHASA ARAB

UNTUK PELAJAR
BUKAN ARAB

ROSNI SAMAH





KAEDAH PENGAJARAN
KOSA KATA
BAHASA ARAB
UNTUK PELAJAR
BUKAN ARAB





KAEDAH PENGAJARAN
KOSA KATA
BAHASA ARAB
UNTUK PELAJAR
BUKAN ARAB

ROSNI SAMAH



PENERBIT USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2013

CETAKAN PERTAMA 2013

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-798 8226/6081 | Faks:06-798 6083

www.penerbit.usim.edu.my

info.penerbitan@usim.edu.my

Penerbit USIM adalah anggota

MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM)

Dicetak di Malaysia oleh:

ROMD ENTERPRISE

No.13A-A-1

Pusat Komesial Amaniah

Jalan Amaniah Mulia 3

Taman Amaniah Mulia

68100 Batu Caves, Selangor

Tel / Faks : 03-6185 2384

wanromd@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia Data

Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Rosni Samah

Kaedah pengajaran kosa kata bahasa Arab kepada pelajar bukan Arab / Rosni Samah.

Bibliografi: ms.

ISBN 978-967-440-001-9

1. Arabic language--Grammar. 2. Arabic language--Terms and phrases.

I. Judul.

492.75

KAEDAH PENGAJARAN
KOSA KATA
BAHASA ARAB
UNTUK PELAJAR
BUKAN ARAB

KANDUNGAN



PRAKATA	7
PENDAHULUAN	9
BAB 1: SEJARAH PENGAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA	11
Sejarah Awal	11
Pengajaran Bahasa Arab Secara Rasmi	12
Perkembangan dalam Sistem Madrasah	13
Perkembangan dalam Sistem Sekolah Menengah Kebangsaan	16
Objektif Pengajaran Bahasa Arab	17
Objektif Pembelajaran dalam Sistem Moden	19
Kandungan Sukatan Bahasa Arab dalam Sistem Moden	20
BAB 2: KAEDAH PENGAJARAN BAHASA ARAB	23
Kaedah Pengajaran Kemahiran Bahasa Arab	24
Pengajaran Kosa Kata	31
BAB 3: ASAS PEMILIHAN KOSA KATA DAN AKTIVITI PENGAJARAN	39
Asas Pemilihan Kosa Kata	39
Kekerapan	40
Bidang Penggunaan	40
Kesediaan	41
Kesesuaian Pengajaran dan Pembelajaran	43

Aktiviti Pengajaran Kosa Kata	45
Membaca dan Menulis Secara Berterusan	45
Budaya Menonton Berterusan	47
Menggunakan Gambar	50
Interaksi Berterusan	52
Aktiviti Terjemahan	54
Aktiviti Sukan	56
Hari Bahasa	56
Pertandingan	57
Aktiviti Lakonan	58
Kuiz Bahasa	59
Perkhemahan	60
Perdebatan Bahasa Arab	61
Lawatan Sambil Belajar	62
Permainan Bahasa	63
BAB 4: PERLAKSANAAN PENDEKATAN PENGAJARAN	
KOSA KATA	65
Dapatan Kajian	68
Pemilihan Perkataan	68
Menterjemah Perkataan	70
Penerangan Makna Perkataan	73
Pengukuhan Perkataan	76
Penggunaan Perkataan	77
PENUTUP	81
Cadangan	83
GLOSARI	85
RUJUKAN	87
INDEKS	91

PRAKATA



Kemahiran menguasai sesuatu bahasa terletak kepada penguasaan kosa kata bagi bahasa tersebut. Bahasa boleh diumpamakan sebagai sebuah bangunan dan batu batanya sebagai kosa kata. Dalam mempelajari bahasa Arab, pelajar hendaklah menguasai kosa kata yang pelbagai. Untuk menguasai bahasa dengan baik, pelajar perlu mengumpul kosa kata yang banyak berulang dalam pelbagai bidang, dan membudayakan penggunaannya. Pengumpulan kosa kata boleh dicapai melalui aktiviti pembacaan, pendengaran dan interaksi.

Buku ini menghurai isu-isu berhubung dengan pemilihan kosa kata, penguasaan dan penggunaan. Antara huraian ialah pandangan sarjana dalam bidang pengajaran bahasa Arab tentang kaedah pengajaran kosa kata, asas-asas pemilihan kosa kata seperti kekerapan, bidang penggunaan, ketersediaan dan kesesuaian pengajaran dan pembelajaran. Turut diuraikan beberapa aktiviti yang boleh dipraktikkan bagi membantu peningkatan penguasaan seperti pendengaran, pembacaan, penggunaan kamus dan interaksi. Turut dikupas dalam buku ini beberapa aktiviti yang dapat membantu dalam mengingat dan membudayakan penggunaan kosa kata. Antara aktiviti yang dimaksudkan ialah membaca, menulis, menonton secara berterusan, menggunakan gambar, berinteraksi, terjemahan, aktiviti bahasa, perdebatan, lawatan sambil belajar dan permainan bahasa.

Perbincangan buku ini diakhiri dengan pembentangan hasil kajian tentang pelaksanaan kaedah pengajaran kosa kata yang dijalankan oleh sampel guru. Antara kaedah yang dikemukakan ialah pemilihan perkataan, penterjemahan perkataan, penerangan makna perkataan, pengukuhan dan kaedah penggunaan. Hasil menunjukkan majoriti guru yang menjadi sampel kajian menggunakan pendekatan tersebut.

Penulis berharap agar buku ini dapat menjadi panduan kepada pelajar dalam usaha mereka mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Arab. Ia juga diharap dapat membantu para guru bahasa Arab dalam mempertingkatkan aktiviti pengajaran secara berkesan. Semoga buku ini dapat memberi manfaat yang besar kepada masyarakat khususnya kepada pelajar dan pengajar bahasa Arab.

Rosni Samah

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

PENDAHULUAN



Dalam pengajaran bahasa Arab, penguasaan kosa kata atau perbendaharaan kata Arab adalah penting untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Arab sebagai bahasa kedua terutamanya dari aspek pertuturan yang merupakan suatu perkara yang amat penting dan tidak dapat dinafikan. Sebelum seseorang penutur dalam sesuatu bahasa menguasai kemahiran bertutur dengan baik dan berkesan, ia perlu terlebih dahulu menguasai kosa kata atau perbendaharaan yang merupakan asas utama bagi pertuturan sesuatu bahasa.

Untuk mencapai matlamat penguasaan kosa kata yang maksima dalam kalangan pelajar, guru perlu menggunakan kaedah dan aktiviti pengajaran yang efektif dan berkesan. Kaedah pengajaran kosa kata Arab secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) akan memberi impak yang positif terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Di samping itu, pelaksanaan program bahasa, persekitaran dan aktiviti-aktiviti sampingan yang boleh membantu pelajar memperkaya kosa kata.

Tidak dapat dinafikan bahawa kosa kata memainkan peranan yang amat penting dalam penguasaan sesuatu bahasa sama ada bahasa ibunda mahupun bahasa kedua. Penguasaan kosa kata sesuatu bahasa itu dalam konteks pendidikan sekolah dapat dipertingkatkan melalui pengajaran dan pembelajaran.

Bagi menyumbang kepada penguasaan bahasa Arab dengan baik, pengajarannya hendaklah bertitik tolak daripada kosa kata yang dapat membentuk ayat untuk berkomunikasi. Buku ini cuba meneroka beberapa pendekatan pengajaran kosa kata dan aktiviti penguasaannya untuk membantu proses penguasaan bahasa Arab dengan lebih baik dan berkesan.

SENARAI KEPENDEKAN

- ISESCO : The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization.
j-QAF : Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain.
KBSM : Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.
KPM : Kementerian Pelajaran Malaysia.
KAA : Kelas Aliran Agama.
KPT : Kementerian Pengajian Tinggi.
M : Masihi.
SBP : Sekolah Berasrama Penuh.
SMKA : Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.
SMA : Sekolah Menengah Agama.
STAM : Sijil Tinggi Agama Malaysia

BAB 1

SEJARAH PENGAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA



SEJARAH AWAL

Sejarah awal pengajaran bahasa Arab di Malaysia boleh dirujuk kepada sejarah kedatangan Islam ke Malaysia, iaitu pada awal kurun Hijrah atau ketujuh Masihi (Ahmad Jelani Halimi, 1996). Islam yang tiba ke Tanah Melayu juga berasaskan kepada bahasa Arab. Pada peringkat awal kedatangan Islam, mubaligh-mubaligh Islam terdiri daripada golongan pedagang Arab. Mereka memperkenalkan Islam melalui bahasa Arab dengan dua kalimah syahadah yang perlu dilafazkan dalam bahasa Arab apabila menganut agama Islam. Oleh itu, perkembangan pengajaran bahasa Arab berkembang selari dengan perkembangan Islam, khususnya dalam konteks pengajaran ilmu-ilmu tersebut. Ajaran agama yang dibawa juga menggunakan bahasa Arab khususnya dalam pelaksanaan ibadah seperti amalan sembahyang dan zikir.

Bertolak dari sini, bahasa Arab mula mengorak langkah dalam siri perkembangan pengajaran ilmu Islam. Tujuan utama pengajarannya adalah untuk memahami Islam dan menunaikan ibadah seperti ibadah sembahyang, doa, wirid dan sebagainya; mereka mula menggunakan bahasa Arab walaupun mereka tidak memahaminya. Ini menunjukkan bahawa bahasa Arab mula diajar bagi mempelajari Islam dalam pelbagai aspek.

Pengajaran bahasa Arab dapat dilihat dalam pengajaran al-Quran dari sudut sebutan huruf, perkataan, ayat dan tajwid. Masyarakat diajar cara menyebut bunyi huruf Arab dengan betul mengikut makhraj. Seterusnya mereka belajar menyebut perkataan dengan betul. Akhirnya mereka belajar membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan rentak

PENUTUP



Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia bermula sejak kedatangan Islam lagi. Ia berkembang mengikut perkembangan Islam dan juga perkembangan semasa. Perkembangannya bermula dengan memahami Islam dan menunaikan ibadah sehingga kepada penguasaan kemahiran dalam pelbagai laras bagi memenuhi kehendak pasaran semasa. Ia bermula dengan cara tidak rasmi di surau-surau sehinggalah berkembang melalui pendidikan pondok, madrasah, sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta.

Pengajaran bahasa Arab hendaklah bermula dengan pengajaran kosa kata. Sarjana pendidikan Arab mengemukakan beberapa kaedah dan pendekatan untuk pengajaran kosa kata. Begitu juga beberapa aktiviti bagi mengumpul dan mempraktikkan kosa kata. Antara langkah yang dikemukakan ialah:

- Guru menyebut perkataan dan pelajar mendengar.
- Guru menulis perkataan dengan baris yang lengkap.
- Guru memberitahu makna perkataan dengan cara yang sesuai.
- Guru menggunakan perkataan dalam bentuk ayat pendek.
- Pelajar hendaklah mengulangi ayat-ayat yang dibentuk oleh guru.
- Guru hendaklah membimbing pelajar cara menulis perkataan.
- Guru hendaklah menulis makna perkataan.
- Pelajar hendaklah membaca senarai perkataan yang ditulis.
- Pelajar hendaklah menulis perkataan, makna dan ayat dalam buku catatan mereka.

Dalam pengajaran kosa kata ini, pemilihan perkataan perlu bagi memberi hasil yang berkesan. Antara asas pemilihan perkataan seperti di bawah:

- Perkataan yang sentiasa berulang dalam penggunaan.
- Perkataan yang boleh digunakan dalam pelbagai bidang.

- Perkataan yang senang diperoleh dan diingati.
- Perkataan yang menjadi kebiasaan dalam penggunaan.
- Perkataan yang boleh merangkumi pelbagai bidang kegunaan dan makna yang luas.
- Perkataan yang mempunyai kepentingan bidang keperluan pelajar.
- Perkataan Arab sejati.

Perkataan yang dikumpulkan hendaklah dijelaskan maknanya. Terdapat beberapa cara untuk menerangkan makna perkataan. Antaranya ialah:

- Menjelaskan dengan menunjukkan objek yang memberi maknanya seperti makna pensel hendaklah ditunjukkan pensel.
- Menerangkan makna dengan melakonkan perbuatan, seperti makna menutup pintu, guru hendaklah melakukan perbuatan menutup pintu.
- Menerangkan makna dengan memainkan peranan makna tersebut, seperti menerangkan makna pesakit, guru hendaklah menunjukkan sebagai pesakit.
- Menerang dengan menyebut perkataan yang berlawanan.
- Menerang dengan menyebut perkataan yang sama makna.
- Menerang dengan menyebut perkataan yang terkandung di dalamnya, seperti menerangkan makna keluarga dengan menyebut anggota keluarga.
- Menerangkan makna dengan membincangkan asal usul perkataan atau pola terbitan.
- Menerangkan maksud makna perkataan.
- Menerang dengan mengulangi bacaan bagi perkataan yang berulang.
- Mencari makna melalui kamus.
- Menerangkan makna dengan menterjemahkan makna perkataan dalam bahasa ibunda pelajar.

Kosa kata akan dapat dikumpulkan dengan menggunakan beberapa aktiviti yang dicadangkan seperti sentiasa mendengar bahan pendengaran, sentiasa membaca pelbagai bahan bacaan, sentiasa menggunakan kamus dan sentiasa berinteraksi dengan menggunakan bahasa Arab, selain mengumpul kosa kata, proses mengingati dan mempraktikkannya juga perlu diadakan. Antara aktiviti yang

dicadangkan ialah membaca dan menulis secara berterusan, menonton berterusan, berkomunikasi, terjemahan, menjalankan aktiviti bahasa, perkhemahan bahasa perdebatan dan lawatan sambil belajar.

Pengajaran kosa kata perlu menekankan pendekatan yang dikemukakan oleh sarjana pendidikan bahasa Arab dalam pengajaran kosa kata. Antara pendekatan tersebut ialah:

- ✓ Pemilihan perkataan
- ✓ Menterjemah perkataan
- ✓ Penerangan makna perkataan
- ✓ Pengukuhan perkataan
- ✓ Penggunaan perkataan

CADANGAN

Bagi meningkatkan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar, aspek kosa kata harus diberi penekanan dalam pengajaran bahasa. Penguasaan ini boleh berlaku melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran ialah kaedah yang digunakan oleh guru. Proses pembelajaran pula ialah strategi yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai kosa kata. Beberapa cadangan dikemukakan untuk membantu usaha menguasai kosa kata seperti di bawah:

- **Pemilihan Perkataan**
Guru hendaklah memilih perkataan untuk dibekalkan kepada pelajar. Perkataan tersebut hendaklah perkataan yang selalu berulang dalam bidangnya, perkataan yang mudah disebut oleh pelajar, perkataan yang khusus dalam bidangnya dan perkataan yang baharu ditemui dalam setiap bacaan.
- **Menterjemah Perkataan**
Dalam menterjemahkan perkataan, guru-guru hendaklah menterjemahkan perkataan yang baharu ditemui dan meminta pelajar juga menterjemahkannya melalui penerangan maknanya dalam bahasa Arab, memberi perkataan berlawanan, memberi perkataan sama erti, melakukan aksi, membina ayat, menggunakan gambar atau objek, merujuk kepada kamus dan akhirnya menterjemah ke dalam bahasa ibunda.

- **Penerangan Makna Perkataan**
Dalam proses penerangan makna perkataan pula, guru dan pelajar digalakkan membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja dan membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baharu ditemui sahaja.
- **Pengukuhan Perkataan**
Dalam pengukuhan penguasaan perkataan, guru dan pelajar digalakkan mengulang kaji perkataan baharu sebelumnya setiap periode baharu atau mengulang kaji beberapa perkataan sebelumnya setiap periode baharu atau mengulang kaji kebanyakan perkataan sebelumnya setiap periode baharu.
- **Penggunaan Perkataan**
Bagi menambahkan kemahiran penggunaan perkataan, guru dan pelajar hendaklah sentiasa memastikan operasi kelas dijalankan dalam bahasa Arab sepenuhnya atau operasi kelas dijalankan dalam dwibahasa, guru hendaklah kurang bercakap daripada pelajar dalam kelas dan memberi peluang kepada pelajar bercakap lebih, guru dan pelajar hendaklah sentiasa berinteraksi dalam kelas, guru sentiasa bercakap bahasa Arab dengan pelajar di dalam dan juga di luar kelas, guru sentiasa menggalakkan pelajar bercakap bahasa Arab dan aktiviti di sekolah hendaklah dijalankan dalam bahasa Arab.

Pelajar yang dapat menguasai kosa kata yang baik sememangnya dapat menguasai bahasa dengan baik. Mereka ini dapat berjaya dalam pelajaran dengan lebih baik berbanding pelajar yang lemah menguasai kosa kata. Contohnya dalam menjawab soalan peperiksaan, pelajar yang mempunyai bahasa yang baik lebih mudah menjawab dan menulis dengan betul. Isi yang hendak disampaikanya tepat dan memenuhi keperluan. Sebaliknya pelajar yang lemah bahasa, mereka memerlukan masa untuk membentuk ayat. Isi yang hendak disampaikanya pula kadang-kadang tersasar. Proses pembelajaran bahasa Arab hendaklah bermula dengan pembelajaran kosa kata dan penguasaannya dengan baik dan menggunakannya dalam pelbagai aktiviti.

GLOSARI



Pondok	: nama institusi pengajian Islam terawal di Malaysia.
Madrasah	: nama institusi pengajian Islam selepas pondok.
i'rab	: perubahan baris di akhir perkataan Arab.
marfu'	: nama bagi sejenis i'rab yang dapat dikenali dengan tanda-tandanya. Ia berlaku pada kata nama dan kata kerja.
Mansub	: nama bagi sejenis i'rab yang dapat dikenali dengan tanda-tandanya. Ia berlaku pada kata nama dan kata kerja.
Majrur	: nama bagi sejenis i'rab yang dapat dikenali dengan tanda-tandanya. Ia berlaku pada kata nama sahaja.
Majzum	: nama bagi sejenis i'rab yang dapat dikenali dengan tanda-tandanya. Ia berlaku pada kata kerja sahaja.
Matan	: asas ilmu yang memerlukan kepada syarah
thanawi	: menengah
Nahu	: sintaksi
Sarf	: morfologi
Balaghah	: retorika
Insya'	: karangan
Imla'	: penulisan
Khat	: bentuk atau gaya penulisan
Muhadathah	: perbualan
Kitabah	: penulisan
Tarikh Adab	: sejarah sastera
Nusus	: teks sastera
Mutala'ah	: bacaan teks
Qawaid	: kaedah nahu dan sarf
Tawasuliyah	: komunikatif
mubtada'	: subjek
khavar	: predikat

RUJUKAN



- A'dha' Haiatil Tadris. t.t. *Al Manahij Wa Turuq al Tadris. Kulliyah Tarbiyyah*. Kaherah: Universiti al Azhar.
- Abdul Alim Ibrahim. 1994. *Al Muwajih al Fanni Limudarrisi al Lughah al Arabiyyah*. Kaherah: Darul Ma'arif.
- Abdul Razak Wan Ahmad. t.t. *Allughah al-Arabiyyah fi Malizia ba'da Istiqlal*. Tesis Master. Kuliyyah Adab. Iskandariyya: Universiti Iskandariyyah.
- Abdullah Jusuh. 1989. *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, DBP, Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Cik. 1994. *Ma'ayir al Tahkim Fi al Alfaz Fi T'elim al 'Arabiyyah Lil Mujtama' al Islamiyyah Fi Janub Syarqi Asia*. (Tesis Ph.D). Mesir: Universiti Iskandariyyah.
- Ahmad Muhamad al Ma'tuq. 1996. *al Khasilah al Lughawiyah*. Kuwait: Alam Ma'rifah.
- A'rif Karkhi Abu khudhairi. 1994. *Ta'lim al-Lughat al-A'rabiyyat Li Ghairi al-Arab Dirasaat Fi al-Manaj Wa Turuq al-Tadris*. Kaherah: Dar al-Saqaafah.
- Al Naqah. Mahmud Kamil & Rushdi Ahmad Ta'imah. 2003. *Taraik Tadris al Lughah al Arabiyyah Lighairil Natiqina Biha*. Moroko: ISISCO.
- Al Naqah. Mahmud Kamil. 1985. *Ta'lim al Lughah al Arabiyyah Linnatiqina Biha*. Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura.
- Al Rukabi. Judat. 1973. *Turuq Tadris al Lughah al Arabiyyah*. Beirut: Dar al Fikri.
- Hasan Shahatah. 1993. *Ta'lim al Lughah al Arabiyyah Bai al Nadzariyyah Wa al Tatbik*. Kaherah: Dar al Masriyyah al Lubnaniyyah.

- Husain Radhi Abdul Rahman Abid. 2000. *Turuq Tadrīs al Lughah al Arabiyyah Min Manzur Tarbawī Hadīs*. Saudi Arabia: Maktabah al Khubtī al Thaqafī.
- Husni Abdul al Hadi. t.t. *al Ittijahat al Hadisah li Tadrīs al Lughah al Arabiyyah*. Kaherah: al Arabi al Hadīs.
- Haznah Hamzah 1999. *Penguasaan Dan Perbendaharaan Kata Bahasa Malaysia Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat Dan Budaya Melayu*, DBP, Kuala Lumpur.
- I.S.P. Nation. 1990. *Teaching and Learning Vocabulary*. USA: Heinle & Heink Publisher.
- Khadijah Salmi Ahmad Ali. 2011. *Anshitoh Musaidah fi Ta'lim Arabiyyah lada Tolabah Sanah Thalithah bi Kulliyah Dirasaat Lughah Raisah*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Salahuddin Ali. 1977. *Tadrīs al Lughah al Arabiyyah bil Marhalah al Ibtidaiyyah*. Kuwait: Dar Qalam.
- Muhammad Ali al-Khuli. 1986. *Asalib Tadrīs al Lughah al Arabiyyah*. Saudi Arabia: Matabi' al Farzadak.
- M. Fadzil Maszuki. 2011. *Asar Istikhdam Mu'jam Waset lada Tolabah Kulliyah Dirasaat Raisiyyah wa Dauruhu fi Tanmiyyah Sarwah Lughawiyah*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Abdul Ghani al-Masri. 1990. *Asalib Tadrīs al-Lughah al-Arabiyyah Li Thakhasus al-Ta'hili al-Tarbawī*. Amman: Maktabah al Risalah al Hadihtah.
- Muhammad Abdul Kadir Ahmad. t.t. *Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah*. Kaherah: Maktabah Nahdhah Masriyyah.
- Mohamad Nasir Omar. 1996. *Pengajaran Bahasa Arab Kepada Pelajar-Pelajar Peringkat Permulaan Di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

- Naif Mahmud Ma'ruf. 1987. *Khasais al arabiyyah wa Taraiq Tadrisuha*. Beirut: Dar al Nafais.
- Nik Hanan Mustapha 1996. *Teaching Vocabulary To Beginners Of Arabic*. Leeds: University Of Leeds.
- Nur Sabila M. Ali. 2011. *Daur Musahamah Munadhorah Lada Mutandhirin dillughah Arabiyyah fi Iktisab Maharah Lughawiyyah bi Kafaah 'Aliyyah*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Hazlina Hanifa. 2011. *Istikhdam Wasail I'lam Kartuniyyah fi Ta'lim Arabiyyah*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Faizura Khairi. 2011. *Faaliyyah Barnamej Google Litarjamah Aliyyah lada Tolabah Sanah Rabiah min Kismi Lughah Arabiyya*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Ain Aziz@Abdul Aziz. 2011. *Iktisab Lughah Arabiyyah min Khilal Aflam Kartuniyyah Arabiyyah lada Tolabah Sanah Thalithah bi Kulliyah Dirasaat Lughay Raisah*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Azwati M. Mustafa. 2009. *Ta'sir Astro Jazirah fi Tanmiyyah Maharat Lughawiyyah: Dirasah Halah*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Aishikin Kamaruzaman. 2011. *Asar Istikhdam Mu'jam Arabi Asasi lada Tolabah Kulliyah Dirasaat Raisiah fi Tanmiyyah Sarwah Lughawiyyah*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nur Farhanah Muhamad Sabri, 2011. *Aara Mudarrisi Lughah Arabiyyah fi Madaris Ibtidaiyyah Wataniyya bi Mantiqoh Sabak Bernam haula Istikhdam Kamus jel Jadid Musauwwar fi Ta'lim Arabiyyah*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Rosni bin Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Talib Samad. 1992. *Syed Syeikh Al Hadi Sasterawan Prograsif Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- To'aimah, Rushdi Ahmad. 1989. *Ta'alum al-Arabiyyah li Ghairi al-Natiqenabiha*. Ribath: ISISCO.
- Sawai Haskanbancha @ Abdul Hadi Ibrahim. 1995. *Pengajaran Pertuturan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Thai*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Aishah Syeikh Zahari. 2011. *Asar Istikhdam Mu'jam Wajiz lada Tolabah Kulliyah Dirasaat Raisah wa Dauruhu fi Tanmiyyah Sarwah Lughawiyah*. Kertas Projek Ijazah Sarjanamuda. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sidang editor. 2003. *Majalah Ilham*. Alor Star: Maktab Mahmud.
- Virginia French Allen. 1993. *Techniques in Teaching Vocabulary*. Oxford American English. Oxford University Press.
- Wizarah al Tarbiyyah al Maliziyyah*. 2003. *al Lughah al Arabiyyah al Ittisaliyyah*. Kuala Lumpur: DBP.
- Zakariyya Ismail. 1995. *Turuq al Tadris al Lughah al arabiyyah*. Kaherah: Dar al Ma'rifah.

INDEKS



- A'rif Karkhi Abu khudhairi 37, 87
Abdul Alim Ibrahim 87
Abdul Rahman Cik 39, 87
Abdul Razak Wan Ahmad 14, 87
Abdullah Jusuh 12, 87
Ahmad Muhamad al Ma'tuq 87
Al Naqah. Mahmud Kamil 87
Al Rukabi, Judat 87
Al-Hadi 13, 27
Dar al Fikri 87
Dar Qalam 88
Hasan Shahatah 87
Haznah Hamzah 88
Husain Radhi Abdul Rahman Abid
88
Husni Abdul al Hadi 88
I.S.P. Nation 88
Ismail Hamid 12, 88
Khadijah Salmi Ahmad Ali 88
M. Fadzil Maszuki 88
Mohamad Nasir Omar 37, 88
Muhammad Abduh 13
Muhammad Abdul Ghani al-Masri
27, 88
Muhammad Abdul Kadir Ahmad 88
Muhammad Ali al-Khuli 24, 88
Muhammad Salahuddin Ali 88
Naif Mahmud Ma'ruf 89
Nik Hanan Mustapha 89
Nur Ain Aziz@Abdul Aziz 89
Nur Aishikin Kamaruzaman 89
Nur Azwati M. Mustafa 89
Nur Faizura Khairi 55, 89
Nur Farhanah Muhamad Sabri 89
Nur Hazlina Hanifa 46, 89
Nur Sabila M. Ali 61, 89
Rosni bin Samah 12, 31, 41, 63, 90
Rushdi Ahmad To'aimah 33, 90
Salleh Masri 13
Sawai Haskanbancha @ Abdul Hadi
Ibrahim 90
Siti Aishah Syeikh Zahari 90
Talib Samad 13, 90
Ummul Qura 87
Virginia French Allen 90
Wan Sulaiman Wan Sidek 13
Zakariyya Ismail 90



KAEDAH PENGAJARAN KOSA KATA BAHASA ARAB UNTUK PELAJAR BUKAN ARAB

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia bermula sejak wujudnya sistem pondok lagi. Perkembangannya dapat dilihat melalui pertumbuhan sistem madrasah dan peralihan sistem pondok ke arah sistem madrasah. Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab lebih kepada terjemahan teks yang dibaca. Bagi meningkatkan kemahiran bahasa Arab, penguasaan kosa kata adalah penting. Permasalahan yang ingin dibincangkan dalam buku ini ialah bagaimanakah kaedah pengajaran kosa kata bahasa Arab yang berkesan. Buku ini juga bertujuan mengemukakan beberapa pendekatan dan asas dalam pemilihan kosa kata bahasa Arab serta aktiviti pengajaran yang boleh diguna pakai bagi meningkatkan penguasaan, penguasaan dan pembudayaan kosa kata dalam kalangan pelajar. Hasil buku ini juga diharap dapat membantu para guru bahasa Arab dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan membantu para pelajar dalam pembelajaran serta penguasaan bahasa Arab dengan baik.

Penulis merupakan seorang Profesor Madya di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Beliau memperoleh ijazah sarjana muda dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab dari Universiti Al Azhar, ijazah sarjana dan doktor falsafah dalam bidang Sastera Bandingan dari Universiti Kaherah Mesir. Banyak menulis artikel tentang sastera bandingan yang diterbitkan oleh jurnal akademik di negara-negara Arab dan juga artikel tentang isu pembelajaran bahasa Arab yang diterbitkan oleh jurnal tempatan. Beliau juga menulis beberapa buah buku lain, antaranya ialah buku tentang Islam Hadhari: Penguasaan Ilmu Pengetahuan, Sumbangan Bahasa Arab Dalam Perkembangan Peradaban Melayu dan Ta'sir al Hamziyyah wal Burdah Lil Busairi Fi Kitab Kanzul Ula. Bidang kedua pengkhususan beliau ialah pengajaran bahasa Arab untuk bukan penutur jati. Antara buku yang ditulis dalam bidang ini ialah Pendekatan Pengajaran Kemahiran Bahasa Arab Kepada Bukan Penutur Jati dan Isu-Isu Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Beliau telah membentang lebih 40 kertas kerja berkaitan sastera bandingan dan pengajaran bahasa Arab dalam seminar antarabangsa dalam dan luar negara.

